

Lihat dalam tempoh tiga tahun

KUALA LUMPUR - Rakyat perlu beri tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun untuk melihat keberkesanan secara keseluruhan belanjawan dibentangkan Kerajaan PH.

Penganalisis Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Anuar Shah Bali Mohamed berkata, walaupun masih awal, namun Belanjawan 2019 dilihat memiliki penambahbaikan, khususnya membantu golongan B40.

"Belanjawan ini yang pertama dihasilkan kerajaan PH selepas enam bulan mengambil alih tampuk pimpinan negara.

"Kita perlu beri masa sehingga tiga tahun untuk melihat keberkesanan keseluruhan belanjawan. Masih awal untuk melihat keberkesanannya tapi indikatornya ada penambahbaikan," katanya, semalam.

Mengulas lanjut katanya, perkara paling menarik yang ditawarkan dalam

Belanjawan 2019 adalah bantuan kepada golongan B40.

"Kalau kita lihat bantuan diberikan berdasarkan pendapatan dan subsidi ini bersasar, bukan hanya melihat keluarga tapi juga kepada bilangan anak.

"Bagi saya ia sangat praktikal, sebab kos sesebuah keluarga meningkat berdasarkan bilangan anak, dan bagi saya ia sesuatu yang menarik," katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan mencari mekanisme bersesuaian bagi menggalak rakyat menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kerana program MyBrain tidak disentuh dalam Belanjawan 2019.

"Perlu kenal pasti bagaimana mahu membantu mana-mana rakyat yang ingin sambung belajar tapi memerlukan bantuan dari segi kewangan," katanya.